


Cabaran Pembentukan Akhlak Mulia



➤ **Zakaria Stapa**
Profesor Emeritus Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Sesungguhnya akhlak mulia merupakan ciri utama dan jati diri manusia Muslim. Hal ini terlihat dengan jelas dalam misi utama kerasulan Rasulullah SAW yang bertujuan untuk membentuk akhlak mulia.

Dalam Islam, terdapat pelbagai prasarana dan tuntutan yang pelaksanaannya akan melahirkan manusia yang berakhlak mulia. Sebagai contoh, tuntutan pengamalan rukun Islam yang jelas terarah terhadap pembentukan akhlak mulia. Untuk menjadikan hal tersebut lebih konkrit dan praktikal, para moralis Muslim menyusun strategi khusus dalam *tazkiyah al-nafs* bagi menjayakan proses pembentukan akhlak mulia umat Islam.

Dalam tulisan ringkas ini, fokus hanya diberikan terhadap cabaran tertentu yang dapat menghalang

kejayaan pembentukan akhlak mulia. Pintu atau laluan masuk yang biasanya dilalui oleh agen penghalang ke arah kejayaan tersebut mestilah dikenal pasti untuk ditutup serapat mungkin. Hakikatnya, cabaran yang muncul merupakan agen penghalang yang datang dari luar diri seseorang. Walau bagaimanapun, jika dibenarkan masuk ke dalam diri seseorang, maka agen ini akan memainkan peranan untuk merosakkan dan membawa penyakit kepada individu tersebut. Di sinilah timbulnya penyakit yang sering diungkapkan sebagai



penyakit hati atau jiwa. Oleh itu, amat penting untuk dikenali dan seterusnya dihapuskan laluan masuk yang boleh digunakan oleh agen luar berkenaan dalam kerangka menjayakan pembentukan akhlak mulia seperti yang dikehendaki oleh ajaran Islam yang suci.

Cabaran pembentukan akhlak mulia

Secara umumnya menurut ajaran Islam, agen penghalang boleh dibahagikan kepada dua elemen, iaitu pengaruh syaitan dan pengaruh persekitaran.

Kedua-dua elemen ini memainkan peranan utama untuk merosakkan cita-cita mulia seseorang untuk menjadi seorang yang berakhlak baik dan berupaya menyumbang ke arah kehidupan dan pembentukan tamadun berkualiti.

1 Pengaruh syaitan

Syaitan dalam konteks ini merujuk iblis serta para pembantunya yang dilaknat oleh Allah SWT hasil daripada penentangan terhadap perintah Allah SWT supaya memberikan tunduk hormat kepada Adam a.s. sebagaimana yang terungkap di beberapa tempat dalam al-Quran (*Surah al-A'raf* 7:12; *Surah al-Hijr* 15:34-35).

Syaitan daripada jenis iblis inilah yang telah mengisytiharkan perang terhadap manusia dan telah berjanji dengan Allah SWT untuk menyesatkan anak Adam a.s. seperti firman Allah SWT dalam *Surah al-Hijr* ayat 39 dan 40 yang bermaksud, "Iblis berkata, 'Wahai Tuhanku! Kerana engkau telah menjadikan aku sesat, maka demi sesungguhnya aku akan hiaskan (perbuatan maksiat) kepada mereka di bumi ini dan aku akan sesatkan seluruh mereka melainkan para hamba-Mu yang ikhlas.'"

Dalam kitab tafsir *Fi Zilal al-Quran*, Sayyid Qutb mencatatkan bahawa ayat tersebut menjelaskan tiga perkara utama seperti yang berikut:

- Tempat syaitan mengisytiharkan perang terhadap umat manusia

- keturunan Adam a.s. adalah di muka bumi ini. Hal ini bermakna kehidupan dunia di bumi inilah yang akan menjadi medan tempur antara syaitan dengan manusia.
- Syaitan atau iblis telah menentukan senjata yang digunakan dalam peperangan ini, iaitu menghias dan mendandan perbuatan yang buruk serta menggoda manusia dengan hiasan palsu. Manusia tidak akan melakukan sesuatu kejahatan melainkan setelah kejahatan itu dihias dan didandan dengan cantiknya oleh syaitan atau iblis sehingga kejahatan itu tidak lagi kelihatan dengan rupa dan pakaiannya yang sebenar.
- Kumpulan manusia yang tidak berupaya digoda dan dikuasai oleh syaitan ialah hamba Allah SWT yang ikhlas, iaitu mereka yang mengikhhlaskan ketaatan kepada Allah SWT serta mengangkat taraf ibadat kepada-Nya ke tahap ihsan.

Sehubungan dengan ini, Sa'id Hawwa pula dalam tulisan beliau, *al-Mustakhlash fi Tazkiyah al-Anfus*, mencatatkan suatu tamsil bahawa hati atau *al-nafs* manusia bagaikan benteng pertahanan, sedangkan syaitan adalah musuh yang ingin memasuki dan menguasainya.

Manusia tidak dapat melindungi benteng tersebut daripada serangan musuh kecuali dengan cara menjaga serta mengawal seketat-ketatnya benteng tersebut. Jika manusia gagal mengenal pasti pintu masuk yang menjadi sasaran musuh ini, sudah pasti mereka berhadapan dengan masalah besar. Sa'id Hawwa menyatakan bahawa antara cara utama dalam proses *tazkiyah al-nafs* termasuklah mengenali pintu masuk golongan syaitan ke dalam hati manusia.

Manusia perlu tahu dan faham secara jelas tentang kaedah dan laluan yang diguna pakai oleh syaitan untuk membuat serangan. Selain itu, manusia juga mesti mengenal pasti kekuatan pertahanan yang dimiliki sebagai persiapan dalam peperangan tradisi yang diisytiharkan oleh golongan syaitan. Kekukuhan benteng pertahanan manusialah menjadi penentu sama ada mereka berjaya atau tumpas di tangan bala tentera syaitan dalam peperangan tradisi ini.

Kekuatan manusia adalah pada sifat ikhlas yang dimiliki seperti yang dinyatakan dalam firman Allah SWT tersebut. Keikhlasan yang sebenar ketika mentaati dan memperhambakan diri kepada Allah SWT menjadi senjata yang ampuh yang akan menyebabkan syaitan dan iblis kehilangan upaya untuk menjatuhkan manusia. Namun begitu, hal ini bukanlah suatu perkara yang mudah dan berkaitan secara langsung dengan keupayaan manusia untuk mengenal pasti pintu yang boleh dimasuki oleh syaitan ke dalam jiwa dan hati manusia.

Untuk menjayakan pembentukan akhlak mulia seseorang Muslim, tumpuan utama harus diberikan terhadap tuntutan melaksanakan suruhan dan meninggalkan larangan yang telah digariskan oleh Allah SWT dalam al-Quran dan sunah yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW.

Dalam konteks laluan syaitan menguasai hati atau jiwa manusia, para moralis Muslim mengenal pasti beberapa laluan yang biasa diguna pakai oleh golongan syaitan dan iblis. Antaranya termasuklah;

- sifat marah dan pengaruh nafsu syahwat
- dengki dan haloba
- cinta akan kedudukan dan pangkat
- cinta akan perhiasan seperti pakaian dan perabot rumah
- tamak dan cinta dunia
- tergesa-gesa dan tidak berhati-hati dalam pelbagai urusan
- mementingkan wang ringgit dan pelbagai harta kekayaan
- bakhil dan takut miskin
- fanatik terhadap mazhab atau puak

Semua sifat dan perilaku hidup manusia yang dinyatakan tersebut merupakan kepincangan personaliti yang akan diambil peluang seluas-luasnya oleh syaitan dan iblis untuk menjatuhkan manusia. Hari ini, dapat disaksikan kekalahan demi kekalahan yang dialami oleh umat manusia dalam pertempuran tradisi ini.

Kekalahan tersebut terpamer dengan jelas dalam pelbagai aspek kehidupan manusia yang pada segenap peringkat, sama ada hubungan sesama manusia, dengan Tuhan mahupun dengan alam sekitar yang kelihatannya tidak pernah dialami oleh mereka dan tamadun mereka sebelum ini.

Harapan dan pergantungan manusia sejagat serta alam semesta seluruhnya terletak pada manusia Muslim yang bersama-sama mereka terdapat wahyu *rahmah li al-'alamin* yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Manusia Muslimlah yang mesti berada di barisan paling hadapan bagi mempertahankan maruah dan kredibiliti manusia untuk menghadapi peperangan sengit melawan syaitan dan iblis.

Maka itu, manusia Muslim menjadi harapan tertinggi untuk membenteng diri dalam usaha membina akhlak mulia dengan memerangi golongan yang dilaknat Allah SWT ini. Di samping itu, mereka juga mesti berusaha membangunkan seutuh mungkin sifat ikhlas yang tercatat dalam al-Quran sebagai pasak yang tidak dapat digugat oleh tipu daya dan muslihat yang dijadikan senjata utama tajaan syaitan dalam usaha memperdaya dan mengaburi mata manusia.

2 Pengaruh persekitaran
Satu lagi pengaruh yang boleh memberikan kesan sama ada positif atau negatif dalam proses pembentukan akhlak mulia ialah pengaruh persekitaran. Pengaruh ini tertumpu pada persekitaran keluarga dan institusi yang dekat dengan masyarakat setempat mahupun pada peringkat global. Hal ini bermaksud, dunia teknologi tanpa batasan hari ini telah berjaya mengubah dunia seluruhnya menjadi suatu kelompok yang tidak ubah seperti sebuah kampung, iaitu kampung global.

Sungguhpun demikian, jika diteliti sekali lagi persekitaran semasa merupakan satu ruang yang terbuka luas tanpa penyediaan suasana kondusif untuk pembentukan akhlak mulia. Bermula daripada institusi keluarga, membawa kepada pelbagai institusi sosial di luar rumah dilihat tidak memberikan sokongan positif ke arah pembentukan akhlak mulia. Sebagai contoh, banyak perkara dan nilai positif yang ditanam di

sekolah misalnya, dihancurkan dalam persekitaran keluarga di rumah, dan kadangkala situasi sebaliknya pula berlaku. Di sekolah, murid dididik dengan amalan hormat-menghormati tanpa mengira peringkat umur. Malangnya, amalan tersebut tidak diamalkan dari rumah lagi sehingga menyebabkan murid sukar menerima pendidikan tersebut.

Cuba kita lihat perkembangan media massa sama ada media cetak mahupun elektronik. Hari ini komponen media massa ini tidak sepenuhnya menjadi kumpulan sokongan dalam proses pembentukan nilai positif yang diperlukan. Perilaku yang tidak baik dilakukan tanpa sebarang hukuman yang berkesan oleh pelbagai pihak dalam masyarakat. Hal ini pastinya menjadi duri dalam daging terhadap proses pembentukan akhlak yang mulia.

Sesungguhnya persekitaran yang positif dan kondusif mesti diusahakan dalam kehidupan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana pengaruh persekitaran yang baik menjadi pemangkin terhadap

pembentukan akhlak yang mulia. Seharusnya manusia Muslim itu sedar bahawa pengaruh persekitaran yang negatif berperanan sebagai agen penghancur terhadap hasrat murni pembentukan nilai akhlak positif dalam kehidupan sebagaimana yang dikehendaki oleh ajaran Islam.

Oleh itu, dalam menjayakan pembentukan akhlak mulia seseorang Muslim, tumpuan utama harus diberikan terhadap tuntutan melaksanakan suruhan dan meninggalkan larangan yang telah digariskan oleh Allah SWT dalam al-Quran dan sunah yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW. Selain itu, mempersiapkan diri untuk mengharungi dua pengaruh yang dinyatakan tersebut memerlukan kekuatan mental dan fizikal yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia bukan sahaja berperang dengan musuh fizikal, sebaliknya musuh yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, iaitu syaitan dan nafsu yang menjejaskan proses ke arah pembentukan akhlak mulia. ¹⁰¹

Kata-kata Hikmah

“Sesungguhnya mereka yang membencimu, cuma tidak mampu mengalahkan akhlak dan kebaikanmu. Jadi, tidak perlu marah apalagi membalasnya.”

—
Syaikh Ali Saleh
Mohammed Ali Jaber

